

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NASIONAL

## Hospital Umum Sarawak peneraju ujian FIH pertama di Malaysia

**PUTRAJAYA** - Hospital Umum Sarawak (HUS) bakal menjadi peneraju dalam melaksanakan ujian klinikal ke atas manusia (FIH) di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ujian tersebut akan mendapat kerjasama daripada organisasi farmaseutikal global, Roche Pharmaceuticals di bawah bidang reumatologi.

"Kajian tersebut akan dijalankan di Pusat Penyelidikan Klinikal HUS yang dikendalikan oleh Pakar Perunding Reumatologi, Dr Teh Cheng Lay.

"Ia secara khusus meneroka rawatan selamat untuk pesakit lupus eritematosus sistemik (SLE)," katanya ketika berucap

pada Majlis Kecemerlangan Penyelidikan Klinikal dalam Fasa Awal dan Pembangunan Insan di sini pada Khamis.

Dr Dzulkefly berkata, Malaysia mencatatkan bilangan tertinggi penyelidikan tahunan iaitu sebanyak 276 yang ditaja Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) dalam tempoh 11 tahun sehingga November 2023.

Menyadari keperluan ini ujarnya, CRM telah meletakkan misi 10 tahun yang bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab penyelidikan klinikal pilihan di Asia.



**DR DZULKEFLY**

"Dalam misi mengembangkan penyelidikan klinikal profesional yang mampu memenuhi keperluan industri, Pusat Kecemerlangan (CoE) CRM bertindak mencipta bakat dan melengkapkan graduan baharu dengan set kemahiran diperlukan bagi meneruskan kerjaya dalam bidang berkaitan.

"Inisiatif ini akan disokong oleh Persatuan Farmaseutikal Malaysia (PhAMA) serta pihak berkepentingan yang diwakili oleh organisasi farmaseutikal terkemuka," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NASIONAL

## SST: Jangan beban pesakit rawatan TCM

**SHAH ALAM** - Kerajaan digesa membuat penetapan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebaskan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (TCM).

Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, TCM merupakan cabang perubatan di negara ini dan tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden.

Menurutnya, kerajaan perlu bersimpati kepada mereka yang berusaha mendapatkan perkhidmatan rawatan seperti fisioterapi dan akupunktur untuk proses penyembuhan.

"Mereka dalam kesusahan dan kita perlu bertindak adil, kalau kita boleh beri pengecualian SST untuk perubatan moden,

dan bagi mereka yang merawat halwan juga tidak dikenakan SST, maka sepatutnya pengecualian SST diperluaskan kepada mereka yang terima rawatan bawah TCM.

"Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan. Sudah tentu ia merupakan cabang penjagaan kesihatan yang penting," katanya menerusi hantaran video di media sosial pada Khamis.

Bermula Mac, kemudahan TCM seperti kedai dan perkhidmatan perubatan tradisional Cina dengan perolehan tahunan



KA SIONG

RM500,000 perlu mengenakan lapan peratus SST.

Menerusi pekeliling oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) baru-baru ini, pemain industri turut diminta membayar semula SST sejak tahun 2018 berikutan pemansuhan cukai barang dan per-

khidmatan (GST).

Perkembangan tersebut dibimbangkan menyebabkan berlaku kenaikan ketara bagi harga rawatan alternatif berkenaan.

Ahli Parlimen Ayer Hitam itu berkata, kebanyakan pengamal TCM mungkin tidak mengetahui bahawa perkhidmatan tersebut sebagai sektor yang tertakluk kepada caj SST.



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : LOKAL



ORANG Asli Pos Belatim mengambil bantuan keperluan banjir yang diberikan.

## JBPM mohon tambah 4 helikopter baharu

**Gua Musang:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengemukakan permohonan penambahan sebanyak empat aset helikopter baharu kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

Pengarah Bahagian Udara JBPM, Datuk Nazili Mahmood berkata, permohonan itu dibuat bagi menambah baik keberkesanan operasi di samping penggantian aset sedia ada yang berusia hampir 30 tahun.

"Penambahan aset udara ini juga sejajar dengan perancangan jabatan untuk mempertingkatkan keupayaan Emergency Air Ambulance Rescue Services (EMARS) bagi memberikan perkhidmatan perubahan melalui udara yang lebih berkualiti dan setanding dengan negara maju.

"Inisiatif ini juga akan menyokong jalinan kerjasama strategik jabatan dengan beberapa agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako), Menteri-

an Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) dalam perkongsian sumber dan aset udara secara optimum dan berkesan," katanya ketika ditemui di Pos Belatim di sini, kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya juga merancang memperkasakan unit dron yang baru ditubuhkan pada 2021 melalui perolehan aset dron yang berteknologi tinggi.

"Selain itu, jalinan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan lain termasuk pembabitkan pihak swasta akan dilakukan bagi perkongsian kemahiran dan pengetahuan teknologi," katanya.



JURURAWAT menemani pesakit yang memertukan rawatan.

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Paya Linda Yahaya  
am@hmetro.com.my

### Gua Musang

**T**erbang 148 jam membelah awan ke kawasan pedalaman bagi menyalurkan bantuan kepada 20,000 masyarakat Orang Asli di daerah ini.

Itu dilakukan Bahagian Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sepanjang tahun lalu yang komited melakukan penerbangan ihsan, menghantar bekalan makanan dan membawa pesakit Orang Asli ke hospital untuk menerima rawatan.

Pengarah Bahagian Udara JBPM, Datuk Nazili Mahmood berkata, berdasarkan statistik pada 2022, pihaknya melakukan penerbangan sebanyak 258 jam penerbangan dan 148 jam penerbangan pada tahun lalu.

"Jumlah penerbangan itu adalah menerusi beberapa operasi antaranya bantuan logistik, bantuan bakul makanan dan operasi Medevac (Medical Evacuation).

"Kerjasama strategik dengan agensi lain selain Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) apabila kita laksanakan operasi Emergency Air Ambulance Rescue Services (EMARS) iaitu helikopter udara untuk membawa pesakit di kawasan pedalaman khususnya yang sukar dilalui melalui jalan darat," katanya ketika ditemui di Pos Belatim di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau turut sama menyertai misi penghantaran bakul makanan dan menyantuni masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman dalam misi berkenaan. Hadir sama, Pengarah Jako Kelantan dan Terengganu, Zarina Razlan.

Nazili berkata, misi penghantaran makanan itu juga mendapat kerjasama daripada Angkatan Pertahanan Awam

# DEMI 20,000 NYAWA, KEBAHAYAAN ORANG ASLI

Bahagian Udara JBPM komited terba penerbangan ihsan, hantar bekalan ma



Malaysia (APM) dan anggota Balai Bomba JBPM Gua Musang.

"Alhamdulillah sebanyak lima tan lagi makanan berjaya dihantar dengan empat penerbangan antara kawasan yang terbahit ialah Kampung Tendrik, Kampung Sau dan Kampung Chermal di Pos Bihai.

"Sehingga hari ini (kelmarin) sebanyak 15 tan makanan dihantar bermula 1 hingga 5 Januari ini. Jumlah makanan disediakan Jako sebanyak 20.8 tan.

"Bekalan makanan dihantar ke pos pedalaman kerana tidak boleh dilalui dengan jalan darat akibat terputus hubungan kerana banjir dan tanah runtuh," katanya. Menurutnya, penggunaan

helikopter dalam operasi menghantar bantuan makanan adalah lebih efektif dan cepat.

"Kalau kita lihat Pos Gob mengambil masa lebih masa lebih kurang 12 hingga 15 jam untuk

NAZILI pada sidang media pada Operasi Banjir oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Jabatan Kebajikan Orang Asli di Gua Musang.



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 25  
RUANGAN : LOKAL

# 1000 SUKSES SUKSES

ng 148 jam buat  
makanan tahun lalu



sampai namun dengan mengu-  
nakan helikopter kita mengambil  
masa kira-kira 20 minit saja.  
"Saya difahamkan bakul ma-  
kanan ini boleh bertahan se-  
hingga dua minggu kepada  
keluarga Orang Asli di  
kampung ini dan di-  
maklumkan oleh Ja-  
koa jumlah Orang  
Asli di Gua Musang  
lebih kurang  
20,000 orang,"  
katanya.

Bantuan Udara  
darat Malaysia serta  
sangat Kelantan.

ANGGOTA Unit Udara  
Jabatan Bomba dan  
Penyelamat Malaysia  
(JBPM) membantu  
masyarakat Orang Asli  
mendapatkan rawatan.



KANAK-kanak Orang Asli di kawasan  
pedalaman yang terputus hubungan  
di Daerah Gua Musang, Kelantan.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pelitup muka, kit ujian sendiri Covid-19 laris

Oleh NUR AIMI HAZIRAH dan JOHANNA MUMTAZ WANPA  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Peningkatan kes Covid-19 menyebabkan permintaan terhadap pelitup muka bertambah sebagai inisiatif melindungi diri daripada jangkitan pandemik khususnya ketika berada di tempat awam.

Pembantu pemasaran farmasi *Caring* di sini, Mashitah Padilah, 24, berkata, pelitup muka terus menjadi permintaan kebanyakan pelanggan di premis tersebut setelah laporan pertambahan kes Covid-19, baru-baru ini.

Katanya, susulan peningkatan tersebut, farmasi itu mengambil inisiatif menambah jumlah stok pelitup muka agar pelanggan sentiasa mempunyai akses kepada bekalan.

"Selepas kes Covid-19 naik semula, baru ramai orang beli berbanding sebelum ini. Setiap hari memang ada ramai pelanggan datang untuk beli pelitup muka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Penyelia farmasi *Friends* di Seksyen 35, Shah Alam, Nur Afiqah Bahar, 30, pula memberitahu, pelitup muka dan kit ujian sendiri Covid-19 semakin laris terjual ekoran peningkatan kes pandemik.

Menurut Afiqah, stok pelitup muka di farmasinya masih mencukupi dan pembekal berusaha untuk memastikan bekalan sentiasa tersedia untuk kegunaan orang ramai.



PENINGKATAN kes Covid-19 menyebabkan permintaan terhadap pelitup muka bertambah. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

"Setiap hari ada sahaja pelanggan datang untuk membeli pelitup muka, kit ujian sendiri mahupun cecair pembasmi kuman. Setiap orang mendapatkannya dalam kuantiti yang banyak.

"Farmasi sentiasa memastikan bekalan muka tidak terputus dan kami cuba berusaha untuk menyelaraskan stok dengan keperluan semasa," jelasnya.

Dalam pada itu, pasangan suami isteri yang mahu dikenali sebagai William dan Lee berkata, sebagai ibu bapa, mereka

mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai pelitup muka setiap kali berada di tempat awam.

Menurutnya, mereka berusaha memastikan anak-anak berada dalam persekitaran kurang berisiko dengan membersihkan kawasan terdedah menggunakan cecair pembasmi kuman selain mengelak dari kawasan tumpuan orang ramai.

"Kalau bawa makanan di luar pun kami akan mensanitaskan meja dan tangan selepas makan," ujarnya.

Tambah Lee, dengan keadaan anaknya yang mudah terkena jangkitan, dia sentiasa mengutamakan pemakaian pelitup muka terutama ketika berada di sekolah walaupun prosedur operasi standard (SOP) telah dilonggarkan.

"Sekolah sudah tidak mewajibkan pemakaian pelitup muka, tapi saya minta cikgu untuk pastikan anak saya tetap memakainya," katanya.

Sementara itu, Nur Fazilah Mohd. Rashid, 36, berkata, dia mematuhi semua saranan dikeluarkan Kementerian Kesihatan semasa penularan awal pandemik.

Katanya, kerisauan itu masih ada, namun dengan pengalaman sebelum ini, dia lebih bijak mengawal penularan tersebut dengan mengutamakan penjagaan kebersihan setelah seharian terdedah di luar.

"Sebagai ibu bapa, kita sendiri perlu ambil inisiatif dengan berjaga-jaga seperti pakai pelitup muka dan sanitasi tangan. Kita guna balik prosedur yang Kementerian pernah bagi dahulu," katanya.

Mengulas mengenai vaksinasi untuk kanak-kanak, Nur Fazilah menjelaskan, dia lebih memilih untuk menggunakan alternatif lain seperti penjagaan lebih rapi berbanding vaksinasi.

"Kalau pengambilan vaksin itu diwajibkan, saya tidak mempunyai pilihan lain. Namun jika ia satu pilihan, saya akan memilih untuk tidak mengambalnya," katanya.

## Covid-19 dijangka meningkat menjelang Thaipusam, Tahun Baharu Cina

**PETALING JAYA:** Jumlah kes jangkitan Covid-19 dijangka meningkat menjelang dua sambutan perayaan, iaitu Thaipusam dan Tahun Baharu Cina sekiranya langkah-langkah pencegahan awal tidak diambil serius.

Berdasarkan data dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan, kes aktif yang direkodkan setakat 31 Disember lalu adalah sebanyak 27,894.

Daripada jumlah itu, hanya 1,007 sedang menjalani kuarantin di hospital dengan 58 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) manakala selebihnya menjalani kuarantin

kendiri.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kebanyakan kes aktif disebabkan varian mutasi baharu seperti JN.1 yang dijangka meningkatkan kadar jangkitan sebanyak 20 peratus di Amerika Syarikat dan menular ke negara luar termasuk Malaysia.

Menurutnya, ia dikelaskan sebagai Variant of Interest (VOI) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan disifatkan mudah berjangkit.

"Kesan jangkitan dari segi virulens masih dipertikaikan dan dianggarkan tidak mem-

beri kesan kesihatan yang teruk sehingga menyebabkan gelombang baharu.

"Mutasi virus juga dijangka terus berlaku terutama menjelang Thaipusam dan Tahun Baharu Cina nanti kerana akan berlakunya pergerakan secara meluas dan aktiviti beramai-ramai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Sharifa Ezat menjelaskan, kes aktif diramalkan meningkat, namun beliau menjangkakan kebanyakannya kes ringan yang tidak memerlukan rawatan di hospital.

"Bagaimanapun, bagi golongan rentan seperti warga emas,

individu yang memiliki komorbiditi tinggi dan yang belum lengkap vaksin, risiko jangkitan adalah lebih tinggi dan kemungkinan perlu masuk wad juga tinggi," katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, perubahan dalam varian yang boleh bermutasi dan berubah-ubah merupakan punca utama dalam peningkatan kes Covid-19.

Sementara itu, Pakar Perubahan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Dr. Zawiah Mansor berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu memastikan tindakan pencegahan seperti pematuhan prosedur

operasi standard (SOP) dan pengambilan vaksinasi diperketatkan.

Katanya, ia bertujuan mengurangkan risiko penularan jangkitan terutama menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

"Berdasarkan sumber data terbuka yang dilaporkan oleh KKM, terdapat trend peningkatan kes Covid-19 pada Disember 2023 berbanding bulan sebelumnya.

"Sekiranya tiada tindakan pencegahan daripada individu, masyarakat dan pihak yang berkaitan, tidak mustahil peningkatan kes akan berlaku," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 111  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Gangguan air: Beberapa hospital buat penjadualan semula operasi

**GEORGE TOWN:** Beberapa hospital awam dan klinik gigi di negeri ini akan melakukan penjadualan semula dan penangguhan operasinya ekoran gangguan bekalan air berjadual minggu depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Belia dan Sukan, Daniel Gooi Zi Sen berkata, kesemua fasiliti kesihatan awam di negeri ini mempunyai simpanan bekalan air untuk kegunaan selama 48 jam.

"Operasi di Hospital Pulau Pinang tidak akan terjejas dengan gangguan bekalan air, cuma di hospital awam yang lain akan ada penjadualan semula untuk pelaksanaan pembedahan ketika gangguan air berlaku.

"Bagi kes yang sudah ada janji temu, penjadualan semula akan dijalankan iaitu sama ada akan diawalkan atau dilewatkan.

"Selain itu, operasi di semua

klinik pergigian akan ditangguhkan kerana jenis klinik ini perlu menggunakan air yang banyak dalam operasi harian mereka," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan kira-kira 590,000 pengguna air di negeri ini termasuk pengguna bukan domestik di semua kawasan perindustrian utama akan mengalami gangguan bekalan air empat hari mulai 10 hingga 14 Januari tahun depan.

Gangguan tersebut berlaku untuk membolehkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menjalankan kerja pembaikan paip segera di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Menurut Daniel, PBAPP menyediakan lori tangki ke semua hospital, klinik kesihatan dan hospital swasta di seluruh negeri bagi memastikan bekalan air sentiasa ada.

Sementara itu, majoriti pe-

milik kilang di negeri ini tidak mempunyai pilihan selain terpaksa menutup operasi kilang masing-masing sekurang-kurangnya dua hari semasa tempoh gangguan bekalan air berjadual berlaku bermula minggu depan.

Pengerusi Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Cawangan Pulau Pinang, Datuk Seri Lee Teong Li berkata, pengesahan mengenai kilang-kilang terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang bakal menutup operasi itu diperoleh menerusi tinjauan dan maklum balas yang diterima daripada pemilik-pemilik kilang tersebut yang juga ahli FMM.

"Ini kerana kebanyakan ahli kami terdiri daripada kilang yang terlibat dengan industri makanan, 'metal fabrication', 'metal polishing' dan lain-lain yang menggunakan air banyak ketika beroperasi," katanya.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : BUSINESS TIMES

## DISTRIBUTION OF MEDICAL PRODUCTS

# Pharmaniaga unit inks concession agreement with Health Ministry

**KUALA LUMPUR:** Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB), a wholly owned subsidiary of Pharmaniaga Bhd, has entered into a seven-year concession agreement with the Health Ministry to procure, store, supply and deliver medical products to offices and facilities operated and controlled by the ministry.

In a filing with Bursa Malaysia, the Practice Note 17 (PN17) company said the agreement will serve as a platform to support the distribution of medical products to the public sector.

"It will also provide the company with another income stream which will contribute to the profitability of the company," it said.

The agreement takes effect retrospectively from July 1, 2023 for seven years until June 30, 2030, subject to earlier termination.

The agreement is expected to contribute positively to the future earnings and earnings per share of Pharmaniaga for the next seven years.

Pharmaniaga has two months to file applications on its regularisation plan announced on Nov 30 last year.

Under the plan, Pharmaniaga plans to raise up to RM655 million to shore up its finances and exit the PN17 status.

Its plans include a proposed capital reduction, rights issue with warrants and private placement.

**It will also provide the company with another income stream which will contribute to the profitability of the company.**

PHARMANIAGA BHD



FILE PIC



AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NATION

# 'Exempt T&CM services from SST'

## Wee: Give traditional medical services same tax status as other treatments

By FATIMAH ZAINAL  
 and ANDY CHUA  
 newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Traditional and complementary medicine (T&CM) services is regulated by law and accepted by the Health Ministry, with such services even made available in some government hospitals, says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (*pic*).

As such, the MCA president said that T&CM treatments should be exempted from the sales and service tax (SST).

The Ayer Hitam MP added that T&CM treatments – which includes traditional Chinese, Malay and ayurvedic medicine – should be given SST exemption as what is provided for modern and veterinary medicine.

He said the T&CM Act 2016 had provided for the establishment of the T&CM Council to regulate such services in Malaysia.

The tax, which is also imposed on entertainment services, should not be applied to the T&CM industry as it is an important branch of healthcare, he said.



"I call on the government to sympathise with the patients who have to seek out T&CM services such as physiotherapy and acupuncture.

"They are in hardship and we must act fairly by extending the SST exemption to those who receive treatment under T&CM. This is my appeal," he said in a TikTok video yesterday.

From March, T&CM facilities, such as Chinese traditional medicine shops and services with an annual turnover of RM500,000 annually, will have to pay a 8% SST charge.

In a Health Ministry circular recently, industry players were also told to pay up the SST dating back to 2018, which was when the SST was revived to replace the now-abolished Goods and Service Tax (GST).

Dr Wee said that most T&CM practitioners were not even aware that they had to charge SST.

"It seems that the T&CM services are in the entertainment category such as karaoke.

"I want to inquire, for those that seek T&CM services such as stroke patients, who need to undergo physiotherapy treatments or acupuncture, is it considered entertainment?" Dr Wee questioned.

Association of Malay Naturopathy Medicine Practitioners Malaysia (PuRNAMA) chairman Norhissam Mustafa said it is hoped that SST exemptions, which are provided for modern medicine, could be extended to T&CM practitioners as well.

He said that they too have to undergo procedures similar to modern medicine practitioners,

including registering with the T&CM Council, renewing the Annual Practice Certificate, having qualifications that are recognised and complying with the T&CM Act 2016.

Norhissam also said that while less than 10% of T&CM practitioners are expected to be impacted by the SST hike, the issue goes beyond the tax value.

"In general, only less than 10% will be involved considering the threshold requirement of an annual turnover of RM500,000 per year.

"But the issue is not just the tax percentage, the most significant thing is the cost of managing the tax collection to the practitioner.

"This can increase the price of the T&CM services by 15% to 20%," he said when contacted.

"There is no doubt that clients will start switching to unregistered and unqualified practitioners to get cheaper services," he said.

He added that the backlog SST from 2018 was due to the fact that there was no direct notification to the T&CM practitioners nor any

dialogues held with the associations.

Former Bukit Assek assemblyman Irene Chang also urged the Finance Ministry to reconsider the SST imposition, even if it is only on the services they offer and not the products such as medicine.

She said that it would deter many people from spending on their health and wellness needs.

Chang noted that the government has been encouraging T&CM practitioners to register with the T&CM Council since March 2021 and can only conduct business after the end of February this year if they are registered.

Therefore, she said, the Finance Ministry should consult the Health Ministry and review the planned imposition of SST on T&CM.

"It should revisit the Sept 21, 2021 guidelines by the Customs Department directing that medical services and products offered by registered practitioners be parked in the excluded list (from taxes)," she said in a statement yesterday.